

# SIMPOSIUM FIQH MASYARAKAT BUKAN ISLAM DALAM NEGARA ISLAM

Tarikh : 23 – 24 Disember 2009 / 6-7 Muharram 1431  
Tempat : Dewan Annex, SUK  
Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

## **SIYASAH SYAR'IIYAH DALAM MEMBENTUK GAGASAN FIQH MASYARAKAT MAJMUK**

OLEH:  
PROF MADYA DR SHUKERI MUHAMMAD  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM UNIVERSITI MALAYA  
NILAM PURI, KOTA BHARU KELANTAN



Persatuan Ulama' Malaysia Cawangan Selangor  
Dengan Kerjasama  
Jabatan Agama Islam Selangor dan  
Majlis Agama Islam Selangor





# SIYASAH SYAR`IYYAH DALAM MEMBENTUK GAGASAN FIQH MASYARAKAT MAJMUK <sup>1</sup>

*Oleh:*

*Prof Madya Dr Shukeri Muhammad  
Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya  
Nilam Puri, Kota Bharu Kelantan*

## **Pengenalan**

Perbincangan tentang masyarakat majmuk telah menjadi sebahagian daripada isu Siyasa Syar`iyyah sejak zaman pemerintahan Islam di bawah pimpinan Rasulullah S.A.W dan Khulafa al-Rasyidin. Ia telah menggariskan asas-asas yang berkaitan dengan pengurusan masyarakat majmuk dan dikembangkan dengan baik oleh pemerintah Islam selepas itu dengan bantuan para ulama dan sarjana Islam melalui pandangan dan penulisan mereka.

Namun begitu persoalan ini telah menjadi asing kepada umat Islam sendiri setelah sistem politik Islam dihapuskan dengan penguasaan barat ke atas mereka. Setelah sekian lama dijajah, pemikiran politik barat berjaya menguasai umat Islam sehingga ramai di kalangan mereka tidak lagi memahami peranan Islam dalam urusan pentadbiran negara dan pengurusan politik mereka. Ada juga yang menganggap bahawa sistem barat sahaja yang dapat memajukan negara.

Oleh itu usaha-usaha ke arah mengembalikan peranan Islam dalam sistem politik sangat wajar, malah wajib diperhebatkan agar masyarakat seluruhnya dapat memahami hakikat sebenar yang terkandung dalam sistem politik Islam, lebih-lebih lagi golongan pemimpin kerajaan sendiri. Apabila Islam diberikan peranan yang sebenarnya dalam sistem pemerintahan, maka masyarakat bukan Islam lebih mudah memahami kebaikan Islam dan jaminan Islam kepada mereka. Sebab itu jika kerajaan bersedia mengambil tanggungjawab ini, maka satu sistem pentadbiran yang adil dan mesra rakyat akan dapat dilaksanakan. Ini sudah tentu dapat menghilangkan rasa takut dan prejudis terhadap sistem politik Islam. Hasilnya rakyat berbilang kaum dan agama akan mendapat banyak faedah dan kebaikan

---

<sup>1</sup> Kertas ini dibentangkan dalam Simposium Fiqh Masyarakat Bukan Islam Dalam Negara Islam anjuran Persatuan Ulama' Malaysia Cawangan Selangor dengan Jabatan Agama Islam Selangor dan Majlis Agama Islam Selangor, pada 23-24 Disember 2009 bersamaan 6-7 Muharram 1431 bertempat di Dewan Annex, SUK Selangor



daripada sistem tersebut. Persoalannya ialah, adakah kerajaan yang ada faham tentang hakikat ini?

Dalam perbincangan ini nanti kita cuba melihat bagaimana Islam telah menetapkan gagasan yang terbaik dalam konteks hubungan dengan masyarakat majmuk. Berdasarkan gagasan tersebut, kita cuba menerapkan atau mengembangkannya dalam situasi semasa dengan mengambilkira keadaan dan keperluan masa kini berpandukan pandangan para sarjana Islam dan juga ijtihad semasa. Inilah peranan sebenar Siyasa Syar`iyyah.

Mudah-mudahan kertas ini dapat memberi manfaat kepada pihak kerajaan dan para sarjana Islam dalam menghidupkan peranan Islam sebagai asas pembangunan masyarakat majmuk.

### **Tujuan Kertas**

Kertas ini bertujuan untuk menghuraikan bagaimana menguruskan masyarakat majmuk mengikut kerangka/model Siyasa Syar`iyyah dan diharap dapat membantu pihak kerajaan ke arah menjadikan Islam sebagai agenda membangunkan masyarakat majmuk yang bertamaddun.

### **Persoalan**

#### **Persolan yang menarik di sini ialah:**

Mengapa Siyasa Syar`iyyah perlu menjadi model dan kerangka pengurusan masyarakat majmuk?

Dalam isu-isu politik kenegaraan, terdapat berbagai tanggapan dan pandangan terhadap peranan dan kemampuan Islam dalam pentadbiran negara. Antara pandangan yang semakin menonjol dalam masyarakat sekarang ialah Islam perlu menjadi model dan kerangka kepada sistem politik dan pentadbiran, termasuk dalam hal-hal yang berkaitan dengan masyarakat majmuk.

Tanggapan ini menjadi semakin ketara dan mendapat perhatian banyak pihak apabila Kerajaan Kelantan memperkenalkan konsep “Membangun Bersama Islam” sejak tahun 1990



hingga sekarang. Setelah mempelopori pendekatan keislaman secara terbuka dan menyeluruh selama hampir 20 tahun, tanggapan buruk masyarakat terhadap politik Islam semakin reda, malah telah menimbulkan satu gelombang penerimaan baru terhadap peranan Islam dalam sistem politik dan pentadbiran negara.<sup>2</sup> Banyak pendekatan keislaman yang diperkenalkan oleh Kerajaan Kelantan telah ditiru atau diterima baik oleh pihak lain seperti layanan yang baik dan adil kepada golongan bukan Islam, sistem al-rahm, mendokong kuat sistem perbankan tanpa riba, kebajikan kakitangan wanita yang bersalin dan sebagainya. Ini menggambarkan bahawa pendekatan keislaman dalam pentadbiran adalah satu konsep yang mesra rakyat dan sangat mengutamakan kepentingan rakyat. Kalaulah pendekatan keislaman itu menindas golongan tertentu atau menyekat hak mereka, sudah tentu ia tidak diberi kepercayaan oleh masyarakat, terutamanya di Kelantan.

Oleh itu persoalan sejauhmana kebaikan dan kelebihan Siyasa Syar`iyyah dalam menguruskan sistem kenegaraan merupakan persoalan yang sangat relevan dengan perkembangan masyarakat sekarang. Ia perlu dibincang dan dibicarakan dengan serius.

## **Isi Perbincangan**

Perbincangan seterusnya akan menyentuh perkara-perkara penting dalam Siyasa Syar`iyyah yang menjadi landasan kepada persoalan-persoalan utama dalam kertas ini:

### **1. Siyasa Syar`iyyah Sebagai Sistem Pengurusan Islam**

Perkataan Siyasa dari segi bahasa Arab bermaksud melakukan sesuatu yang mendatangkan kebaikan kepada pihak yang dipimpin<sup>3</sup>. Sebab itu Siyasa Syar`iyyah merujuk kepada tanduk kepimpinan semua peringkat yang membawa kebaikan kepada anak buanya samada ibu bapa kepada anak-anak, guru kepada muridnya, ketua masyarakat kepada anak buahnya, pemimpin negara kepada rakyatnya dan sebagainya.

Manakala perkataan Syar`iyyah pula bermaksud hal-hal yang berpandukan kaedah Islam/syarak.

---

<sup>2</sup> Kita rakamkan ucapan terima kasih kepada kepimpinan Ulama dan Tuan Guru Datuk Nik Abd. Aziz Nik Mat di atas sumbangan yang besar kepada perkembangan Politik Islam di Malaysia. Saya menganggap Datuk Nik Aziz sebagai Bapa Siyasa Syar`iyyah Malaysia.

<sup>3</sup> Ibn Manzur (1990), *Lisan al-Arab*, Beirut: Dar al-Fikr, jld.6 h.108, Muhammad Ibn Abi Bakr, al-Razi (1992), *Mukhtar al-Sihhah*, Bierut: Maktabah Lubnan, h. 135



Namun begitu istilah *Siyasah Syar`iyyah* akan membawa maksud yang khusus apabila ia disebut dalam perbahasan akademik. Kita dapati rata-rata Ulama Islam merujuk istilah *Siyasah Syar`iyyah* dalam penulisan mereka kepada tindakan khalifah atau menteri-menteri dalam urusan pentadbiran negara.<sup>4</sup> Ia termasuklah para pegawai kerajaan yang mendapat mandat hukum seperti hakim-hakim, gabenor, pegawai penguatkuasa/muhtasib dan lain-lain pemegang jawatan eksekutif.

Cuma terdapat sedikit perbezaan di kalangan mereka dari segi kaedah dan rujukan *Siyasah*. Sebahagian daripada mereka menyatakan *Siyasah Syar`iyyah* itu ialah apabila kerajaan menggunakan kaedah ijtihad dalam menangani isu-isu tertentu. Sebahagian yang lain merujuk kepada penggunaan kaedah masalah dalam urusan pentadbiran.<sup>5</sup> Ada yang meluaskan maksudnya kepada semua aktiviti kerajaan Islam meliputi hukum-hukum yang diambil terus daripada al-Quran dan Sunnah dan yang diputuskan melalui kaedah ijtihad.<sup>6</sup>

Walaupun zahirnya ada unsur perbezaan di atas, tetapi sebenarnya maksud yang mereka berikan itu tidak terkeluar daripada aspek penggunaan sumber atau kaedah penentuan hukum sahaja. kecuali seorang sarjana Islam yang bernama Abdul al-Al Atwah dan muridnya Dr. Abdul Ghalib al-Qurasyi yang membataskan konsep *Siyasah* ini kepada aktiviti ijtihad sahaja.<sup>7</sup>

<sup>4</sup> Zainuddin Ibn Nujaim, Ibn Nujaim (t.t), *al-Bahr al-Ra'iq Syarh Kanz al-Daqa'iq*, Beirut: Dar al-Kutub al-Islamiy, juz 5, h.11, Muhammad Amin, Ibn Abidin (1996), *Hasyiah Radd al-Muhtar `ala al-Durr al-Mukhtar*, Beirut: Dar al-Fikr, juz 4, h. 15, Abu al-Hassan Óli Ibn Khalil, Al-Tarablusi (t.t), *Mu`in al-Hukkam fima Yataraddad Baina al-Khasmain min al-Ahkam*, Beirut: Dar al-Fikr, h.169, Ibrahim Syamsuddn, Ibn Farhun (1301H), *Tabsirah al-Hukkam fi Usul al-Aqdiah wa al-Ahkam*, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, juz 2, h.104, Sulaiman Ibn Omar Ibn Muhammad, al-Bujairimi (1956), *Hasyiah al-Bujairimi ala al-Manhaj al-Musammah al-Tajrid linafi al-Ibad ala Syarh Minhaj al-Tullab*, Kaherah: Matbaah Mustafa al-Babi wa auladih, juz 2, h. 178, Taqiuddin Ibn Ahmad, Ibn al-Taymiyyah (1988), *al-Siyasah al-Syar`iyyah fi Islah al-Ra`i wa al-Ra`iyyah*, Beirut: Dar al-Afaq al-Jadidah, h. 4 & 5, Abu Abdullah Muhammad Ibn Abi Bakr, Ibn al-Qayyim (1995), *al-Turuq al-Hukmiyyah fi al-Siyasah al-Syar`yyah*, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, h. 11, Abd al-Wahab Khallaf (1987), *al-Siyasah al-Syar`iyyah wa Nizam al-Dawlah al-Islamiyyah fi al-Syu'un al-Dustuiyyah, wa al-Kharijiyyah wa al-Maliyyah*, Beirut: Muassasah al-Risalah, h. 7, Abdul Rahman Taj (1415H), *al-Siyasah al-Syar`iyyah wa al-Fiqh al-Islamiy*, Kaherah:, h.12, Dr. Rizq al-Zalbani, (t.t) *Mudhakkirah fi al-Siyasah al-Syar`iyyah*, Jam`ah al-Azhar: Matbaah al-Syarq, h. 19.

<sup>5</sup> Abd al-Wahab Khallaf (1987), *al-Siyasah al-Syar`iyyah wa Nizam al-Dawlah al-Islamiyyah fi al-Syu'un al-Dusturiyyah, wa al-Kharijiyyah wa al-Maliyyah*, op.cit, h. 7

<sup>6</sup> Abu Abdullah Muhammad Ibn Abi Bakr, Ibn al-Qayyim (1995), *al-Turuq al-Hukmiyyah fi al-Siyasah al-Syar`iyyah*, op.cit, h. 11,

<sup>7</sup> Abd al-Al Atwah (1993), *al-Madkhal ilaal-Siyasah al-Syar`iyyah*, Riyadh, h. 44, Abd al-Ghalib Abd al-Kafi al-Qurasyi (1983), *Awwaliyyat al-Faroq al-Siyasiyyah*, Riyadh: Maktabah al-Haramain, h. 51



Kesimpulannya kita akan menggunakan konsep Siyasa Syar'iyah dalam kertas ini sebagai metode pentadbiran negara, meliputi aspek dasar/polisi, perancangan, strategi, pendekatan, tindakan dan langkah-langkah dalam semua sektor kerajaan, bagi menjamin kepentingan rakyat dengan syarat tidak bercanggah dengan prinsip Islam<sup>8</sup>

Di antara takrif Siyasa Syar'iyah yang masyhur ialah takrif yang diberikan oleh Ibn Aqil:<sup>9</sup>

الرَّسُولُ وَلَا نَزَلَ بِهِ وَحْيُ السِّيَاسَةِ مَا كَانَ فِعْلًا يَكُونُ مَعَ النَّاسِ أَقْرَبَ إِلَى الصَّلَاحِ وَأَبْعَدَ عَنِ الْفَسَادِ، وَإِنْ لَمْ يَضَعَهُ

Maksudnya: *Siasah ialah apa saja tindakan yang dapat mendekatkan orang ramai kepada kebaikan dan menjauhkan mereka daripada kemusnahan, walaupun perkara itu tidak dinyatakan oleh Rasulullah SAW dan tidak dijelaskan oleh al-Quran (secara langsung).*

## 2. Masyarakat Majmuk Satu Keunikan Program Allah (Ciptaan Allah)

Ia merujuk kepada komposisi kaum dan agama yang berbagai-bagai yang terdapat dalam sebuah masyarakat/negara. Allah Taala menyatakan perkara ini dalam al-Quran:<sup>10</sup>

يَتَأَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ  
لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتَّقَاهُ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾

Maksudnya: Hai manusia, sesungguhnya kami menciptakan kamu dari seorang laki-laki dan seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa- bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal-mengenal. Sesungguhnya orang yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah Taaa ialah orang yang paling takwa di antara kamu. Sesungguhnya Allah Maha mengetahui lagi Maha Mengenal.

<sup>8</sup> Shukeri Mohamad, "Penerimaan Masyarakat Terhadap Pelaksanaan Siyasa Syar'iyah yang di Negeri Kelantan Dari Tahun 1990 hingga 2000: Kajian Dalam Kawasan Majlis Perbandaran Kota Bharu, Kelantan" Tesis Ph.D, Jabatan Siyasa Syar'iyah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2009, hal. 69-70

<sup>9</sup> Ibn al-Qayyim (1995), *al-Turuq al-Hukmiyyah fi al-Siyasah al-Syar'iyah*, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, h. 11,

<sup>10</sup> Surah al-Hujurat, ayat 13



Allah Taala sengaja mencipta kepelbagaian kaum adalah bertujuan untuk **meningkatkan tahap pengurusan** yang membawa kepada lahirnya unsur-unsur takwa melalui aktiviti kenal mengenal, bantu membantu, hormat menghormati. Jelas sekali Allah Taala **tidak menganjurkan amalan permusuhan** atas dasar perbezaan kaum dan agama itu, tetapi menganjurkan amalan yang baik dan murni (membangun).

Masyarakat Madinah sebelum Hijrah Nabi Muhammad S.A.W adalah terdiri daripada berbagai kabilah dan agama seperti penyembah berhala dan Agama Yahudi. Apabila Rasulullah S.A.W berjaya menguasai tampuk pemerintahan Madinah, maka Baginda telah menggariskan berbagai dasar dan program yang sesuai untuk menguruskan masyarakat majmuk seperti yang terkandung dalam Piagam Madinah. Perkara terpenting yang digariskan ialah tanggungjawab bersama untuk menjaga kedaulatan negara Islam dan mempertahankannya daripada serangan musuh. Begitu juga tanggungjawab bersama untuk membangun dan memajukan negara Islam. Piagam itu juga menolak sekeras-keranya perbuatan khianat dan sabotaj kepada keselamatan negara. Pada masa yang sama Piagam tersebut memperakukan hak-hak menjalani kehidupan yang baik dan adil kepada seluruh kelompok masyarakat samada dari segi hak politik, ekonomi dan kemasyarakatan.<sup>11</sup>

Namun begitu sistem pemerintahan Islam memiliki identiti wajibnya bagi menjamin kekuatan nizamnya iaitu pemimpin tertinggi hendaklah berada di tangan orang Islam yang memenuhi kelayakan maksima dan ciri tertinggi menurut skema kepimpinan Islam. Perkara ini merupakan amalan sejagat yang berlaku dalam mana-mana sistem politik, kerana kepimpinan tertinggi merupakan adalah orang yang paling kuat mendokong identiti negara tersebut. Contohnya negara demokrasi barat akan diketuai oleh pemimpin yang benar-benar mendokong prinsip tersebut. Sekiranya ia diterajui oleh pemimpin yang tidak menganut fahaman tersebut, maka identiti demokrasi akan hilang dan bertukar kepada identiti lain melalui polisi negara dan sebagainya.<sup>12</sup>

### **3. Motto Siyash Syar`iyyah**

***Tasarruf al-Imam ala al-Ra`iyyah Manutun Bi al-Maslahah.***

<sup>11</sup> Lukman Taib ( 1998), *Politik Menurut Perspektif Islam*, Synergymate Sdn. Bhd., Kajang Selangor, hal. 65-83

<sup>12</sup> Muhammad al-Mubarak(1989), *Nizam al-Islam al-Hukm wa al-Daulah*, Dar al-Fikr, Beirut, hal.62



(Tindak Tanduk Pemimpin Hendaklah Berdasarkan MASLAHAH RAKYAT)

Motto Siyasah Syar`iyyah bermaksud kepentingan rakyat didahulukan dalam urusan pentadbiran negara. Motto dan falsafah ini bukan perkara baru, Ia telah menjadi amalan negara Islam sejak zaman Rasulullah S.A.W. Sebab itu para sarjana Islam menegaskan bahawa sebarang polisi dan program yang dijalankan oleh kerajaan dikira **terbatal** sekiranya ia tidak memberikan manfaat kepada rakyat samada dunia atau akhirat<sup>13</sup>. Lebih-lebih lagi perkara yang dilaksanakan itu mendatangkan kesusahan dan bebanan kepada rakyat atau mengaut keuntungan peribadi/kroni pemimpin. Dalam hal ini kerajaan/pemimpin dikira telah melanggar prinsip amanah yang dipertanggungjawab kepada mereka. Perbuatan itu disebut sebagai mengkhianati amanah dan rakyat berhak mempersoalkannya.

Perkara yang termasuk di dalam masalah rakyat meliputi aspek jaminan keselamatan dan keamanan, keperluan hidup, akhlak dan peradaban, urusan beragama, keadilan, pendidikan, hak kebebasan, keselamatan, kebahagiaan akhirat dan lain-lain. Perkara ini disebut dalam kitab fiqh sebagai *dharuriyyat al-Khams*, iaitu kepentingan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.<sup>14</sup>

Namun begitu, harus disedari bahawa motto dan falsafah Siyasah Syar`iyyah ini tidak mampu dicapai di bawah sistem politik yang menolak al-Quran dan al-Sunnah sebagai sumber tertinggi, kerana kedua-dua sumber tersebut merupakan panduan terbaik untuk memandu dan mengawal kerajaan/pemimpin daripada penyelewengan. Kerajaan yang tidak dipandu oleh sumber tersebut akan terdedah kepada salah guna kuasa di kalangan pemimpin dan akhirnya motto rakyat di dahulukan itu akan hanya menjadi alat untuk mengaut keuntungan diri atau mendapat sokongan sahaja, sedangkan rakyat akan menjadi kuda tunggangan golongan yang berpengaruh dan berkuasa.

#### **4. Matlamat Siyasah Syar`iyyah**

- i. Membentuk kepimpinan yang berkualiti/ berwibawa dan melahirkan rakyat yang baik.

Imam Ibnu Taimiyyah telah menulis sebuah buku Siyasah yang terkenal. Beliau menggariskan sistem politik berpandukan al-Quran dan al-Sunnah. Beliau menamakan

<sup>13</sup> Ahmad bin Muhammad Al-Zarqa (1989), *Syarah al-Qawaid al-Fiqhiyyah*, Dimasq, Dar al-Qalam, hal. 309

<sup>14</sup> Abu Ishak Ibrahim bin Musa al-Syatibi (t.t), *Al-Muwafaqat fi Usul al-Syariah*, Beirut, jil 2 hal.8-10





bukunya sebagai *al-Siyasah al-Syar`iyyah fi Islah al-Ra`i wa al-Ra`iyyah*. ( iaitu Siyasah Syar`iyyah dalam mengislah pemimpin dan rakyat)

Memang tepat sekali kenyataan beliau. Inilah ketajaman pandangan dan fiqh Ulama silam yang mampu merungkaikan permasalahan negara dan umat melalui satu ungkapan jitu dan mendalam. Ini bermaksud beliau menegaskan bahawa negara akan dapat dibangunkan atau diperbetulkan dengan cara membangun/memperbetulkan pemimpin-pemimpin, menggunakan Siyasah Syar`iyyah, di mana Siyasah Syar`iyyah akan menutup ruang kepada para pemimpin menjalankan kegiatan yang bercanggah dengan prinsip Islam dan matlamat negara. Apabila kepimpinan dibangunkan dengan kualiti yang tinggi dari segi iman, takwa, amanah dan tanggungjawab, akhlak dan adab, maka ia mampu membentuk kehidupan masyarakat yang baik dan harmoni. Apabila rakyat memiliki nilai ketinggian akhlak, maka Allah Taala akan melimpahkan rahmat, berkat dan kejayaan sebagaimana firmanNya dalam al-Quran:<sup>15</sup>

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرَىٰ آمَنُوا وَاتَّقَوْا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم بَرَكَاتٍ مِّنَ  
السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ وَلَٰكِن كَذَّبُوا فَأَخَذْنَاهُم بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ ﴿٩٦﴾

Maksudnya: Jikalau sekiranya penduduk negeri-negeri itu beriman dan bertakwa, pastilah kami akan melimpahkan kepada mereka berkat dari langit dan bumi, tetapi mereka mendustakan (ayat-ayat kami) itu, maka kami siksa mereka disebabkan perbuatannya.

## ii. Menjamin Kedaulatan Syariah Islamiah

Syaikh Abdul Wahab Khallaf menyatakan bahawa Siyasah Syar`iyyah akan menjmin kedudukan Islam sebagai dasar tertinggi dan menonjolkan kemampuan Islam mentadbir negara dengan baik dan berjaya.<sup>16</sup> Manakala sistem lain lebih banyak menimbulkan krisis dan masalah kepada negara dan masyarakat lantaran tidak mempunyai prinsip yang tetap dan sumber yang mantap. Ia hanya bergantung kepada penafsiran pemimpin atau pihak berkuasa dan mudah dieksploitasi oleh golongan berkepentingan.. Hari ini kita saksikan manusia gagal berfungsi sebagai manusia yang waras sehingga mencetuskan kejadian jenayah yang berleluasa, memuja dunia dan hiburan keterlaluan, mengejar kekayaan tanpa batasan dan tatasusila. Ini berpunca daripada sistem kenegaraan yang gagal mengurus makhluk manusia

<sup>15</sup> Surah al-A`raf, ayat 96

<sup>16</sup> Abdullah Wahhab Khallaf,(1987) *al-Siyasah al-Syar`iyyah*, Muassasah al-Risalah,Beirut, hal.7



mengikut undang-undang yang ditetapkan oleh pencipta/Allah Taala. Sebaliknya pihak kerajaan/pemerintah menggunakan undang-undang lain untuk menguruskan kehidupan manusia, lalu merosakkan manusia itu sendiri.

iii. Melaksanakan Amanah

Ibnu Taimiyyah menjadikan *ayat amanah* sebagai *maudhuk* buku Siyasahnya untuk membuktikan bahawa misi melaksanakan amanah dalam pentadbiran negara adalah satu tunggak penting. Firman Allah Taala:<sup>17</sup>

﴿ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ  
النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُمْ بِهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا  
بَصِيرًا ﴾

Maksudnya: Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyampaikan amanat kepada yang berhak menerimanya, dan (menyuruh kamu) apabila menetapkan hukum di antara manusia supaya kamu menetapkan dengan adil. Sesungguhnya Allah Taala memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepadamu. Sesungguhnya Allah Taala adalah Maha mendengar lagi Maha Melihat.

iv. Menegakkan Keadilan

Ibnu Taimiyyah juga mengambil *ayat al-adl* sebagai *maudhuk* bukunya kerana kedudukan *al-adalah/ adl* sebagai prinsip penting dalam urusan siyasah kenegaraan. Firman Allah Taala:<sup>18</sup>  
Maksudnya: ...Dan (menyuruh kamu) apabila menetapkan hukum di antara manusia supaya kamu menetapkan dengan adil.

v. Menghapuskan unsur-unsur mungkar dan kerosakan

<sup>17</sup> Surah al-Nisa', ayat 58

<sup>18</sup> Surah al-Nisa', ayat 58



Unsur mungkar dan fasad merupakan penyakit yang merbahaya kepada kestabilan negara Islam, seperti syirik, murtad, zina, arak, judi, ajaran sesat dan sebagainya. Sebab itu kerajaan/pemimpin dikehendaki melaksanakan tanggungjawab amar makruf dan nahi mungkar sehingga rakyat berada dalam keadaan selamat.<sup>19</sup>

vi. Menjamin kebajikan

Aspek kebajikan rakyat merupakan perkara pokok dalam urusan Siyasa. Kerajaan wajib melaksanakan peranan dan tanggungjawab itu dengan sempurna kerana ia adalah sebahagian daripada kontrak kepimpinan dengan rakyat. Dalam konteks semasa kita dapati, Datuk Nik Aziz selaku kepimpinan Islam telah mengambil tanggungjawab yang besar dalam aspek menjamin kebajikan rakyat semua peringkat dalam misi melaksanakan Siyasa Syar'iyah di Kelantan. Antaranya ialah kebajikan golongan miskin, golongan wanita, termasuk yang bekerja, kakitangan kerajaan, orang bukan Islam.<sup>20</sup>

## **5. Prinsip dan Kaedah Perhubungan Antara Kerajaan Islam dengan rakyat bukan Islam**

Kerajaan Islam mesti **menetapkan dasar dan prinsip yang jelas** dalam mentadbir dan mengurus rakyat yang berbilang kaum dan agama. Malah perincian kepada dasar tersebut juga perlu digariskan supaya wujudnya penyelarasan dalam pelaksanaan di samping menyatakan butir-butir pengecualian yang diambil kira mengikut pertimbangan tertentu. Dengan itu seluruh lapisan rakyat akan mendapat hak yang adil berdasarkan dasar yang telah ditetapkan, bukannya secara pilih kasih atau *double standard*. Ada setengah pihak mengamalkan pilih kasih dalam melaksanakan polisi dan dasar negara sehingga kadang-kadang menafikan hak sebahagian daripada anggota masyarakat kerana pebezaan fahaman politik, sedangkan Islam menjamin keadilan kepada semua jenis rakyat walaupun mereka tidak beragama Islam.

<sup>19</sup> Muhammad bin Abdullah al-Arabiy(1968), *Nizam al-Hukm fi al-Islam*, Dar al-Fikr, Dar al-Fikr, Bierut, hal. 60-61

<sup>20</sup> Shukeri Mohamad, "Penerimaan Masyarakat Terhadap Pelaksanaan Siasah Syar'iyah yang di Negeri Kelantan Dari Tahun 1990 hingga 2000: Kajian Dalam Kawasan Majlis Perbandaran Kota Bharu, Kelantan" op.cit, hal. 149-157



Diantara prinsip tersebut ialah:<sup>21</sup>

1. *al-Karamah al-Insaniah* (kemuliaan manusia),
2. *al-Adalah* (keadilan),
3. *al-Musawah* (persamaan),
4. *al-Hurriyyah* (kebebasan),
5. *al-Wafa' bi al-`ahd* (menunai janji),
6. *al-Mu`amalah bi al-mithl* (tindakbalas yang setimpal),
7. *al-Tasamuh* (tolak ansur),
8. *al-Ta`awun* (kerjasama),
9. *Man`u al-Fasad* (mencegah keburukan) dan lain-lain.

### 1.Prinsip *al-Karamah al-Insaniah* ( Kemuliaan manusia )

Islam menetapkan bahawa nilai kemanusiaan sebagai prinsip yang tinggi, melampaui unsur-unsur perbezaan yang mewarnai kehidupan manusia. Walaupun tidak menganut ajaran Islam, kemuliaan seorang manusia sebagai manusia dijamin oleh Islam sebagaimana yang ditetapkan oleh Allah Taala. Ia tidak boleh dizalimi, dibunuh dan sebagainya. Jelasnya Islam tidak menjadikan sebab perbezaan agama dan keturunan sebagai alasan untuk melakukan sesuatu penindasan ke atas pihak lain. Malah perhubungan dengan mereka itu dibina atas dasar kesejahteraan dan keharmonian selagi mereka tidak melakukan pencerobohan ke atas kepentingan Islam.

Allah Taala mengungkap prinsip ini dalam firman:<sup>22</sup>

﴿وَلَقَدْ كَرَّمْنَا بَنِي آدَمَ وَحَمَلْنَاهُمْ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ وَرَزَقْنَاهُمْ  
مِّنَ الطَّيِّبَاتِ وَفَضَّلْنَاهُمْ عَلَىٰ كَثِيرٍ مِّمَّنْ خَلَقْنَا تَفْضِيلًا﴾<sup>(v)</sup>

Maksudnya: Dan sesungguhnya telah kami muliakan anak-anak Adam, kami angkat mereka di daratan dan di lautan.<sup>23</sup>

<sup>21</sup> Abdul Karim Othman, Dr. (1968), *al-Nizam al-Siyasi fi al-Islam*, Beirut, hal 138 dan seterusnya

<sup>22</sup> Surah al-Isra', ayat 70



Ayat ini menjelaskan bahawa Islam mengangkat kemuliaan manusia mengatasi makhluk-makhluk lain di atas muka bumi ini. Sebab itu Islam menuntut supaya manusia tidak dilayan seperti haiwan atau makhluk lain, tetapi hendaklah dilayan dengan cara-cara yang menepati nilai kemuliaan yang telah diisytiharkan oleh Allah Taala. Dengan itu Islam mengharamkan sebarang bentuk kejahatan, kezaliman, penindasan, pengkhianatan dan segala unsur tidak bermoral.

Adapun Islam mengharuskan peperangan atau mengenakan hukuman tertentu kepada penjenayah bukanlah bermaksud Islam membenarkan tindakan menghina nilai kemanusiaan, tetapi ia merupakan peraturan wajib bagi melindungi kepentingan Islam dan masyarakat awam daripada pencerobohan dan pencabulan hak oleh pihak musuh Islam atau golongan penjenayah. Jika dibiarkan sudah tentu masyarakat akan terancam keselamatan dan memusnahkan kehidupan mereka.

Rasulullah s.a.w telah merealisasikan prinsip kemuliaan manusia itu melalui keterangan-keterangan dan juga tindakan Baginda secara langsung yang meletakkan keadilan mengatasi segala perbezaan lahiriah, samada dari segi bangsa, keturunan, warna kulit dan bangsa. Baginda menyimpulkan prinsip kemuliaan manusia itu dengan satu kenyataan jitu bahawa semua manusia adalah berasal daripada satu keturunan iaitu adam. Kedudukan mereka akan menjadi lebih tinggi di sisi Allah Taala melalui proses takwa. Namun perbezaan yang ada pada manusia bukanlah sebab dan alasan untuk melakukan ketidakadilan sesama mereka.

كلكم لأدم وأدم من تراب لا فضل لعربي على اعجمي ولا لأبيض على أسود إلا بالتقوى إن

أكرمكم عند الله أتقاكم

Maksudnya: Setiap kamu adalah berasal dari Adam, dan Adam pula berasal dari tanah. Tidak ada kelebihan bagi orang Arab ke atas bukan Arab, begitu juga tidak ada kelebihan orang yang berkulit putih ke atas orang berkulit hitam, kecuali dengan takwa. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah ialah orang yang paling tinggi takwanya.

Pada zaman ini, didapati banyak sekali kes-kes pencabulan terhadap nilai kemuliaan manusia dilakukan oleh kuasa-kuasa besar dunia seperti Amerika dan sekutunya sebagaimana yang

---

<sup>23</sup> Maksudnya: Allah memudahkan bagi anak Adam pengangkutan-pengangkutan di daratan dan di lautan untuk memperoleh penghidupan



dilaporkan oleh media antarabangsa, contohnya kes-kes kezaliman dan penderaan keatas tahanan Iraq. Berita-berita pencabulan seperti itu terlalu banyak dilaporkan sehingga masyarakat dunia sudah tidak begitu sensitif lagi terhadap gejala buruk yang menimpa kemanusiaan pada zaman ini. Ia telah melenyapkan nilai-nilai keadilan dan pertimbangan kemanusiaan kerana mangsa-mangsa telah diperlakukan seperti haiwan.

## 2. Prinsip *al-adalah* (keadilan)

Allah Taala mewajibkan keadilan sebagai satu prinsip hidup, melalui arahan-arahan yang tegas. Ayat-ayat al-Quran juga telah mendokong penuh keadilan dengan menjanjikan ganjaran yang sangat mahal harganya. Perhatikan firman Allah Taala:<sup>24</sup>

﴿ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ  
النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُمْ بِهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا  
بَصِيرًا ﴾

Maksudnya: Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyampaikan amanat kepada yang berhak menerimanya, dan (menyuruh kamu) apabila menetapkan hukum di antara manusia supaya kamu menetapkan dengan adil. Sesungguhnya Allah memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepadamu. Sesungguhnya Allah adalah Maha mendengar lagi Maha Melihat.

Ayat ini telah menegaskan keadilan sebagai satu prinsip dan juga amalan.

Prinsip-prinsip yang lain tidak dihuraikan dalam kertas ini kerana ia memerlukan huraian yang panjang yang menyentuh berberapa aspek pengecualian dan sebagainya - *al-musawah* (persamaan), *al-hurriyyah* (kebebasan), *al-wafa' bi al-`ahd* (menunai janji), *al-mu`amalah bi al-mithl* (tindakbalas yang setimpal), *al-tasamuh* (tolak ansur), *al-ta`awun* (kerjasama), *man`u al-Fasad* (mencegah keburukan) dan lain-lain.

kami beri mereka rezki dari yang baik-baik dan kami lebihkan

## 6. Islam Untuk Semua

mereka dengan kelebihan yang sempurna atas kebanyakan makhluk yang telah kami ciptakan.

<sup>24</sup> Surah al-Nisa' ayat 58, Lihat juga firman Allah dalam Surah al-Hujurat, ayat 9



Islam memiliki segala **asas kesejagatan dan menjamin keperluan manusia** tanpa mengira perbezaan agama, keturunan, warna kulit dan sebagainya( samada secara individu atau berkelompok ). Asas kesejagatan tersebut ialah: toleransi, kerjasama, keadilan (persamaan dan jaminan hak/tanggungjawab), asas kemajuan dan pembangunan, jaminan keselamatan awam dan sebagainya.

Bagi Dr. Abdul Karim Othman, asas ini telah memberikan kekuatan kepada Islam untuk menjadi tunggak dan **kepimpinan/penggerak utama ( leadership)** kepada perhubungan dua hala yang baik, harmoni dan berkesan.<sup>25</sup>

Sarjana-sarjana Islam yang lain pula menyatakan bahawa asas kesejagatan di atas tidak wujud dalam ajaran, pemikiran dan falsafah moden. Ia menyebabkan mereka gagal berperanan sebagai penggerak kepada pelbagai ajaran agama, bangsa dan keturunan.

Falsafah beberapa ajaran lain dan fahaman moden boleh mencetuskan konflik kepentingan. Contohnya Barat menganut falsafah penjajahan yang akan menjejaskan hubungan dua hala, mencetuskan ketegangan. Malah barat menolak peranan agama dalam urusan kenegaraan. Kristian sendiri ada mengamalkan konsep perbezaan antara kulit putih dan kulit hitam dalam upacara keagamaan di gereja. Ada juga ajaran agama yang lebih tertumpu kepada aspek penyucian roh dari belunggu jasad sehingga tiada garis panduan khusus dalam aspek politik dan penyusunan masyarakat.<sup>26</sup> Dengan itu mereka sukar untuk menjadi penggerak kepada agenda perhubungan agama dan bangsa.

Sejarah perhubungan agama yang direkodkan oleh Islam sangat membina dan memberangsangkan, di mana prinsip hak dan tanggungjawab telah dilaksanakan dalam pemerintahan Islam bagi menjamin kehidupan orang bukan Islam tidak terabai atau disiasikan. Rasulullah s.a.w menegaskan prinsip tersebut melalui sabdanya yang melarang keras perbuatan khianat dan zalim terhadap orang bukan Islam dalam Negara Islam, sehingga Baginda menganggap perbuatan seperti itu sebagai menghina dan menyakiti Baginda sendiri.

Sedangkan rekod perhubungan yang dipegang oleh agama lain dan ideologi bukan Islam menunjukkan banyak sekali kes penyeksaan ke atas umat Islam. Pembunuhan kejam banyak

---

<sup>25</sup> Dr. Abdul Karim Othman (1968, *al-Nizam al-Siyasi fi al-Islam*, Beirut, hal.138-139

<sup>26</sup> Abul A`la al-Maududi (1985), *Kesatuan Dunia Islam*, (terjemahan oleh Mohd Darus Senawi),Pustaka Salam, K.Lumpur, hal. 13-19



berlaku sehingga saat ini. Masyarakat dunia telah menyaksikan perkara itu dalam sejarah kejatuhan umat Islam di Palestin semasa Peperangan Salib, pembunuhan Umat Islam di tangan Yahudi, pembunuhan umat Islam di Cordova, pembunuhan dan pengusiran umat Islam di Bosnia dan Kosovo, penderitaan umat Islam di Selatan Filipina pada zaman Diktator Marcos dan sebagainya.

Apabila jatuhnya Kerajaan Othmaniah di Turki pada tahun 1924, sarjana-sarjana Islam membayangkan bahawa kejatuhan itu adalah satu kerugian besar kepada dunia seluruhnya, bukan setakat umat Islam kerana Islam tidak dapat lagi memberikan sumbangan yang besar kepada kesejahteraan manusia sejagat samada secara langsung atau tidak. Selepas itu misi kesejahteraan cuba di terajui oleh kuasa barat, tetapi sebaliknya mereka mencipta berbagai teori yang hanya bertujuan mengaut keuntungan sebelah pihak sehingga melebarkan konflik dalam masyarakat dunia dan akhirnya berlaku peperangan demi peperangan, penindasan demi penindasan.

Inilah persoalan yang ditegaskan oleh Syaikh Abu al-Hasan Ali al-Nadawi, bahawa Islam perlu diangkat menjadi peneraju kepada perhubungan antara agama dan bangsa.<sup>27</sup>

Islam dan hubungan antarabangsa telah berlaku sejak abad ke viii M. sewaktu bangsa barat dalam kegelapan, kebudayaan Islam yang dominan telah bertindak sebagai guru terhadap mereka.<sup>28</sup> Islam telah menjadi rujukan terpenting kepada masyarakat barat yang sedang berusaha mencari etika hidup bermasyarakat dan membebaskan diri mereka daripada belenggu kegelapan ilmu dan kejahilan. Mereka memungkah berbagai khazanah ilmu dan budaya Islam untuk disesuaikan dengan kehidupan dan falsafah mereka sehingga akhirnya mereka bangkit menjadi kuat dan berjaya menguasai dunia. Pada saat itu, masyarakat Islam tersungkur daripada landasan hidup Islam kerana gagal menghadapi cabaran semasa. Ruang untuk umat Islam kembali menerajui alam ini semakin pudar apabila keadaan menjadi terbalik sama sekali, di mana umat Islam pula menjadi murid kepada Barat. Maka, dengan sendirinya lemahlah peranan Islam dalam kehidupan sejagat, kerana munculnya berbagai krisis dalaman sendiri setelah pedoman hidup mereka tidak lagi disanjung tinggi. Apabila kehidupan mereka terus diselubungi kelemahan, hilanglah kekuatan umat Islam satu persatu bermula dengan kuasa politik, ekonomi dan sebagainya.

## **7. Contoh-contoh pengurusan masyarakat majmuk dalam sejarah pemerintahan Islam**

<sup>27</sup> Lihat Abu al-Hasan Ali al-Nadawi dalam bukunya *Maza Khasira al-Alam bi al-Inhitat al-Muslimin*

<sup>28</sup> Drs. Sidi Gazalba (1983), *Islam dan Perubahan Sosiobudaya*, Pustaka Antara, K.L hal. vi





Negara Islam Madinah telah merangka asas yang jelas tentang pengurusan masyarakat majmuk, melalui satu dokumen bertulis yang dinamakan *Sahifah al-Madinah*

Fokus Utama yang terdapat dalam *sahifah al-Madinah* itu ialah kerjasama penduduk untuk menjamin keamanan negara/masyarakat, seterusnya sama-sama membina masa depan dan kebaikan mereka bersama. Melalui perlembagaan Madinah tersebut, Kerajaan Madinah dapat melaksanakan peraturan keselamatan masyarakat dan negara dengan lebih berkesan melalui penguatkuasaan undang-undang Islam sebagaimana yang termaktub di dalam perlembagaan tersebut.<sup>29</sup>

Oleh kerana pengalaman Islam dalam aspek perhubungan agama dan kaum ini terlalu banyak dan luas, kita dapati ia telah menjadi satu bidang perbahasan yang begitu maju di kalangan para fuqaha dan sarjana Islam, termasuk ahli politik Islam. Di antara dokumen penting yang telah direkodkan dalam senarai khazanah peradaban Islam ialah penulisan yang dibuat oleh Ibn Qayyim al-Jawziyah. Beliau menghuraikan perhubungan Negara Islam dengan warga negara bukan Islam dalam bukunya *Ahkam Ahl al-Zimmah*, menyentuh aspek-aspek:<sup>30</sup>

---

<sup>29</sup> Dr.Lukman Taib (1998), **Politik Menurut Perspektif Islam**, Synergymate Sdn Bhd, Kajang, hal.65-80

<sup>30</sup> Lihat perbincangan secara ditil mengenai ahl zimmah dalam:Ibn al-Qayyim al-Jauziyyah (1983), **Ahkam ahl al-Zimmah**, Tahqiq:Dr. Subhi Saleh, Beirut, Dar al-Malayin.



Namun begitu, Islam dengan sifatnya yang sentiasa berkembang, maka pandangan hukum dan peraturan yang pernah berjalan dalam masyarakat dahulu boleh dinilai dan diperbaharui sebagaimana yang dikemukakan oleh Syaikh Yusuf al-Qaradhawi dalam banyak penulisan beliau. Beliau menjelaskan bahawa hukum yang diputuskan hendaklah dapat memenuhi matlamat Syariah. Sebab itu beliau mengajak supaya ijihad semasa perlu dilakukan untuk menilai beberapa pendapat silam seperti pendapat yang menghalang wanita bekerja sedangkan keluarganya sangat memerlukan bekalan hidup, pendapat yang menolak penglibatan wanita dalam proses pilihanraya/mengundi, pendapat yang menolak wanita sebagai anggota majlis syura, ahli parlimen, ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, pendapat yang mewajibkan jizyah ke atas penduduk beragama kristian, tidak boleh mulakan salam kepada mereka, jika bertemu di tengah jalan mereka didorong ke tepi jalan, pendapat yang mengharamkan melantik ahli zimmah sebagai menteri tanfiz, pendapat yang mengharamkan ahli zimmah daripada menganggotai parlimen dan beberapa pendapat lain.<sup>31</sup>

## **8. Cadangan Pengurusan Masyarakat Majmuk di Malaysia Menurut Skima Siyash Syar`iyyah.**

-Cukai perlindungan(jizyah)

i; **Realiti dan Permasalahan**  
-Kharaj

-Kehartaan dan pengurusannya

Melalui pengamatan yang dibuat, di dapati belum ada satu usaha berani di pihak kerajaan

-Adab semasa bertemu

Pusat menjadikan Islam sebagai asas perhubungan bagi masyarakat majmuk. Namun usaha

-Adab ziarah pesakit dan jenazah

pemurnian hubungan telah dilakukan melalui beberapa pendekatan semasa seperti dialog

-Ucapan takziah, tahniah

peradaban yang masih berada pada tahap permulaan dan belum berpijak kepada paksi yang

-Sembelihan

benar-benar kukuh. Masih banyak ruang kelemahan yang dikesan, kerana masih tebalnya

-Kegiatan ekonomi seperti jualbeli, wakaf, perkahwinan dan lain-lain.

unsur kesangsian dan prejudis sesama sendiri, di samping wujudnya prejudis dari agama lain

terhadap kemampuan Islam untuk mengendalikan agenda perhubungan dua hala. Kadang-

Sedangkan kepada proses perhubungan yang tidak terganggu dengan semestinya dibayar oleh negara

kepada jama'ah. Perkada-perkata baki perfiq dider binah Kyarunghin

kerana isu dialog tidak dijadikan institusi utama dalam agenda negara, sebaliknya ia

dijalankan secara bebas oleh pihak-pihak tertentu yang tidak tertakluk kepada falsafah yang

global dan universal. Program Islam Hadhari yang pernah diperkenalkan hanya satu kerangka

<sup>31</sup> Dr. Yusuf al-Qaradhawi (2001), *al-Siyasa al-Syar`iyyah fi Dhau'i Nusus al-Syariah wa Maqasidiha*, Muassasah Risalah: Beirut, hal. 214-215



yang terbatas dan lemah, bukannya dirangka sebagai asas perhubungan dua hala dengan pihak lain secara lebih luas dan serius.

Mungkin apa yang dibawa oleh kepimpinan Ulama di Kelantan di bawah Tuan Guru Datuk Nik Aziz boleh dilihat secara objektif dan positif dalam membangunkan peranan Islam sebagai penggerak kepada perhubungan dua hala atau mengurus masyarakat majmuk, kerana Tok Guru secara terbuka dan tidak berselindung mengemukakan kepada masyarakat bukan Islam sikap dan panduan Islam secara baik dan penuh hikmah. Pergaulan yang berlaku telah memberi kefahaman kepada masyarakat bukan Islam tentang Islam. Berbeza dengan setengah pihak yang membangkitkan rasa takut dan tidak selesa orang bukan Islam dengan tujuan supaya orang bukan Islam tidak mendekati Parti Islam atau menyokongnya. Akhirnya orang bukan Islam tidak berminat dengan Islam kerana diayah yang dibuat oleh orang Islam sendiri.

**ii. Butiran pengurusan masyarakat majmuk di Malaysia mengikut kerangka Siyasah Syar`iyyah**

**a. Penghayatan prinsip Keadilan dan Persamaan dalam masyarakat majmuk**

Tidak terdapat sebarang kenyataan dalam Islam yang mengharuskan kezaliman di atas dasar perbezaan kaum atau agama. Oleh itu menjadi satu tanggungjawab Kerajaan untuk menyuburkan penghayatan keadilan ini dalam masyarakat majmuk melalui pendekatan positif dan negatif secara bersepadu, kerana ia akan menjamin keharmonian seluruh masyarakat. Kerajaan perlu merangka wasilah/strategi bagi menjamin keadilan dan persamaan dalam masyarakat majmuk dan pada masa yang sama mengatur tindakan dan langkah untuk mengawal unsur-unsur kezaliman dan kejahatan seperti rasuah, pecah amanah, penipuan, penyelewengan dan sebagainya. Pada masa yang sama aspek-aspek pengecualian perlu digariskan bersama bagi menonjolkan identiti wajib negara Islam, seperti jawatan pemimpin tertinggi dalam negara dipegang oleh pemimpin Islam yang memenuhi syarat kelayakan maksima. Pengecualian seperti ini tidak bercanggah dengan prinsip keadilan dan persamaan yang dinyatakan di atas.

**b. Penghayatan Prinsip Perpaduan dalam masyarakat majmuk**

Sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini, matlamat perpaduan menjadi perkara pokok dalam pengurusan Negara Islam. Tidak ada sebarang keterangan dalam Islam yang mengharuskan perpecahan dan perbalahan kerana perbezaan kaum. Bagi mencapai matlamat



perpaduan, maka kerajaan perlu merangka strategi positif dan strategi negatif secara bersepadu, di mana strategi positif bertujuan untuk mengukuhkan perpaduan kaum dan agama seperti meningkatkan kesedaran tersebut di peringkat sekolah. Manakala strategi negatif ialah untuk mengawal perkara-perkara yang menghalang atau merosakkan perpaduan.

### **c. Tahaluf Siyasi dalam masyarakat majmuk**

Di antara cara yang menarik bagi menjayakan pengurusan politik dalam negara yang berbilang kaum dan agama ialah dengan kaedah kompromi politik atau kerjasama politik (*tahaluf siyasi*) *Tahaluf siyasi* merupakan satu strategi yang pernah dilakukan oleh Rasulullah s.a.w dalam menjayakan misi perjuangan Islam yang dibawa oleh Baginda. Antara peristiwa tersebut ialah:

#### **Perjanjian Hdaybiyyah**

Peristiwa penting ini berlaku pada tahun keenam Hijrah di antara Kerajaan Islam Madinah dengan orang Quraisy Mekah. Di antara isi penting perjanjian itu ialah:

- i. Tiada peperangan antara orang Quraisy dan orang Islam Madinah selama 10 tahun.
- ii. Orang Islam tidak boleh masuk Mekah pada tahun itu.
- iii. Orang Islam boleh memasuki Mekah pada tahun hadapan untuk urusan ibadat.
- iv. Ketika memasuki Mekah, orang Islam tidak boleh mengeluarkan pedang daripada sarungnya selama berada di Mekah.
- v. Mereka dibenarkan berada di Mekah selama tiga hari saja, dan mesti keluar selepas tempoh itu.
- vi. Nabi Muhammad mesti menghantar balik mana-mana orang Quraisy yang datang berlindung di Madinah.
- vii. Orang Quraisy tidak perlu menghantar pulang mana-mana orang Islam yang datang berlindung di Madinah.
- viii. Mana-mana kabilah yang bersekutu dengan salah satu daripada pihak orang Islam atau Quraisy akan dianggap sebagai sebahagian daripada pihak itu, mempunyai hak dan tanggungjawab yang sama untuk menghormati perjanjian ini.
- ix. Sebarang tindakan permusuhan yang dihadapi oleh kabilah yang bersekutu tadi dianggap sebagai tindakan permusuhan terhadap pihak yang mana kabilah itu bersekutu. Tindakan permusuhan ini juga akan membatalkan perjanjian ini.



#### **d. Kaedah Perkongsian Kuasa dalam Situasi Politik Malaysia**

Pilihan yang sesuai untuk membangunkan politik Islam dalam komposisi masyarakat majmuk di Malaysia ialah melalui kaedah kompromi politik seperti yang telah di asaskan oleh Rasulullah s.a.w. Cuma beberapa pendekatan semasa yang lebih sesuai dengan realiti di Malaysia perlu dirangka oleh para ulama supaya matlamat pembentukan politik Islam yang semasa dan hidup dapat dilaksanakan dengan baik dan berkesan. Kompromi tersebut hendaklah mengambil kira asas-asas berikut:

- Mengakui kepimpinan Islam sebagai kepimpinan tertinggi dalam perkongsian kuasa.
- Mengakui konsep keadilan sejagat dan kebajikan bersama.
- Tidak melanggar prinsip-prinsip Islam.
- Menghormati hak beragama.
- Mengakui keunggulan etika mulia dan peradaban.
- Mendokong keamanan sejagat.

Semua usaha ke arah matlamat perkongsian kuasa di peringkat nasional itu boleh merujuk kepada beberapa pengalaman yang dilalui oleh Kerajaan Kelantan dalam polisi perhubungan antara kaum seperti:

- Kerajaan negeri telah menggezetkan rumah ibadat Buddha dan tanah perkuburan mereka selaras dengan kebebasan beragama dalam negara.<sup>32</sup>
- Kerajaan Negeri telah melantik orang bukan Islam sebagai ahli Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah. Di peringkat yang lebih rendah pula, kerajaan negeri telah melantik penduduk bukan Islam menjadi Penghulu Tanpa Mukim. Oleh kerana perlantikan ini adalah khusus kepada bukan Islam, maka penghulu yang dilantik dari kalangan mereka ini tidak mengikut mukim-mukim tertentu. Tanggungjawab mereka ialah menyelesaikan masalah di peringkat kawasan yang diwakilinya sebagai perantara kerajaan bagi menyelesaikan segala masalah rakyat. Selain perlantikan sebagai penghulu dan ahli majlis Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), orang bukan Islam juga dilantik menjadi anggota Pusat Khidmat DUN Kota Lama bagi memberi khidmat kepada masyarakat Cina yang ramai tinggal di kawasan Bandar Kota Bharu.

<sup>32</sup> *Buletin*, UPKNK, Bil 72, April 1997 (edisi internet) Lihat:

<http://member.tripod.com/rostan97/majalah/html>. Pendekatan Kerajaan Negeri tersebut adalah bertepatan dengan artikel v, The Constitution of State of Kelantan dan Perkara 11, Perlembagaan Persekutuan (Kebebasan Beragama),cuma tertakluk kepada fasal (4) yang mengawal penyebaran agama lain kepada orang Islam.



- Merapatkan hubungan dengan menjemput orang bukan Islam menghidiri sambutan hari kebesaran Islam.
- Mengadakan perbincangan dua hala dengan pemimpin agama dan lain-lain lagi.

### **Penutup**

Usaha untuk menjamin kehidupan yang baik dan sempurna dalam masyarakat majmuk adalah suatu yang didokong oleh Islam melalui Siyasah Syar`iyah, kerana tujuan Siyasah itu adalah menjaga seluruh kepentingan masyarakat. Oleh itu pihak kerajaan atau pertubuhan Islam boleh merangka berbagai kaedah dan strategi yang sesuai untuk mewujudkan sebuah masyarakat majmuk yang berkualiti dan harmoni. Berbagai kaedah boleh digunakan untuk merealisasikan misi tersebut, kerana Islam mempunyai banyak pengalaman politik dan kaedah usulnya yang sangat berwibawa. Sebab itu kita yakin resepi Siyasah Syar`iyah akan lebih berjaya membangunkan tamaddun masyarakat majmuk di Malaysia.